

BERNAMA - BERITA  
(28.09.2012)

▼ LIAM

28 September, 2012 22:58 PM

Beli Berita Ini

## **LIAM: Pemegang Polisi Nikmati Pulangan Selepas Penghapusan Cukai Pendapatan 8 Peratus**

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) berkata penghapusan lapan peratus cukai pendapatan pelaburan ke atas anuiti tertanggung oleh kerajaan akan membolehkan pemegang polisi menikmati pulangan yang lebih baik untuk simpanan persaraan mereka.

Presiden LIAM Vincent Kwo berkata pelepasan cukai akan merancakkan pembangunan perancangan persaraan rakyat.

"Seiring dengan pergerakan negara ke arah negara berpendapatan tinggi dengan masyarakat yang berusia, terdapatnya keperluan untuk produk persaraan kecekapan cukai yang sesuai untuk membolehkan rakyat mengekalkan gaya hidup yang selesa dalam usia emas mereka.

"Sehubungan ini, ciri unik anuiti tertanggung ini akan menyediakan pendapatan tetap selepas persaraan serta faedah kematian," kata Kwo mengenai usul yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Belanjawan 2013.

LIAM berkata insentif cukai untuk anuiti tertanggung dan pengenalan skim insurans kumpulan baharu akan mentransformasikan industri insurans kepada penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

"LIAM yakin dengan kesedaran yang hebat di kalangan rakyat, peratusan semasa populasi dengan insurans hayat, iaitu pada 43 peratus akan mencecah 75 peratus menjelang 2020 seperti yang disasarkan dalam Program Transformasi Ekonomi," kata Kwo dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA